

Pelita Brunei



T.B.P., K.B.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DUA KALI SA-BULAN

hun 3 Bilangan 21

15 December, 1958.

PERUBAHAN ISTIADAT MENYEMBAH.

DUA perubahan besar mengenai adat istiadat Negeri Brunei yang di-umumkan dalam minggu yang lepas telah di-buat sa-telah di-beri pertimbangan,

fikiran dan perbinchanan yang halus kerana sa-bagi sa-orang Raja Melayu, Duli Yang Maha Mulia ia-lah tongkok tumpuan adat yang tidak mudah di-ubah se-lagi orang Melayu berpegang pada pepatah "Biar mati anak jangan mati adat."

Untuk menjauhi anasir2 tuduhan bahawa baginda telah menchabul adat Melayu kerana baginda tidak lagi berkehendakkan istiadat menyembah itu dalam majlis2 yang tidak rasmi dan juga berkehendakkan supaya Usungan Diraja itu di-gorakken oleh jentera, baginda hanya-lah mengambil keputusan yang sa-imbang dengan aliran zaman.

Istiadat menyembah itu tetap kokoi tetapi di-lakukan pada tempat dan masa beristiadat sahaja seperti di-Istana, di-Lepau dan di-tempat2 kediaman pombesar2 Negeri yang borgolar yang di-muliakan dengan istiadat menyembah pada masa yang tertentu atau dalam istiadat yang menggunakan rondeg jara2.

Mengikut kebiasaan yang suiah2, mithalnya dalam satu istiadat biasa yang di-adakan di-kampong, jika dalam istiadat itu ada salah sa-orang anak Sultan, cheteria, wazir atau Sultan sendiri bersama2 hadhir, pchin atau orang yang borgolar yang sama hadhir di-majlis itu ada-leh menyembah kepada mereka itu, (ra'ayat bina-nya tidak melakukan sembah) atau jika cheteria yang terkemudian datang dari-pada wazir yang telah ada sedia di-majlis itu, maka terpaksa-lah cheteria itu menyembah kepada wazir itu. Tetapi hal yang sa-demikian itu tidak akan di-lakukan lagi.

Keputusan ini ada-leh juga di-maksudkan untuk menetapkan tata pergaulan sosial di-antara berbagai2 taraf ra'ayat dan bangsa2 yang mempunyai adat resam yang berlainan di-negeri ini. Sekarang mereka semua-nya terkandong oleh adat sa-taraf dalam pergaulan sosial tidak lagi berpanjkat2 yang memerlukan istiadat menyembah. Bahkan Duli Yang Maha Mulia sendiri tidak terkecuali dari adat sa-taraf dalam hal komunikasi ini.

ANTARA KANDONGAN-NYA

- Ranchangan pemindahan
- Anggaran belanjawan 1959
- Peratoran kastam BB di-Brunei
- Amaran Kadhi Besar
- Lawatan pembesar2 ka-Brunei
- Jadual hari kelepasan 1959
- dll.

RANCHANGAN MEMINDAHKAN PENDUDOK2 KAMPONG AYER.

SATU ranchangan pemindahan yang mungkin memakan berpuluhan juta ringgit apabila selesai di-jalankan telah di-umumkan oleh kerajaan sa-bagai langkah hendak memperbaiki ekonomi dan meningkatkan taraf kehidupan sa-bahagian besar dari jumlah pendudok2 Negeri Brunei.

Ranchangan baharu itu ia-lah lanjutan kapada ranchangan pemindahan pendudok2 Kampong Ayer yang di-angarkan sa-ramai 15,000 orang itu. Mereka itu telah di-tawarkan tanah tapak rumah dan tanah untuk berternak dan berchuchuk tanam mula2nya dalam tahun 1954.

Ranchangan baharu itu mengandungi sharat2 yang di-anggap limpah kerana ia-nya telah di-pertimbang dan di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri.

Sa-suatu keluarga dari Kampong Ayer yang menerima tawaran pemindahan itu sa-lain dari tanah tapak rumah akan di-beri tanah getah empat ekar luas-nya berhampiran dengan rumah masing2.

Tanah getah.

Tanah getah itu akan di-usahakan oleh ahli2 keluarga itu sa-bagai mata pencharian kerana kehidupan-nya sambil tanah baharu mereka dibuka dan di-usahakan untuk pertanian.

Rumah2 di-kampong pemindahan di-bawah ranchangan itu akan di-bina oleh kerajaan dan harga-nya di-bayar balek dengan beransor2 dalam beberapa tahun.

Kampong2 pemindahan yang di-chadangkan itu akan di-buka di-kawasan ladang2 getah kerajaan, ia-itu Gadong Estate dan United Plantation Estate di-Borakas.

Kerajaan telah juga memberi akuan bahawa kampong2 pemindahan itu akan di-lengkapkan dengan kemudahan2 seperti jalan, bekalan ayer pipe dan electric. Masjid, sekolah, rumah kesihatan atau clinic dan padang permainan akan juga di-adakan.

Jawatan kuasa.

Untuk melaksanakan ranchangan itu Duli Yang Maha Mulia telah melantik suatu jawatan kuasa yang terdiri dari sa-belas orang anggota, dengan Pegawai Daerah Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar, Haji Ahmad bin Daud sa-bagai pengurusinya.

Jawatan kuasa itu telah di-beri tugas untuk mendapatkan fikiran dan pandangan pendudok2 Kampong Ayer atas ranchangan hendak memindahkan mereka dari ayer ka-tanah darat.

Lain2 anggota jawatan kuasa itu ia-lah: Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib, Khatib Haji Matali, Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun, Pehin Orang Kaya Sanggamara Dato Paduka Abbas, Khatib Moksin, Pehin Bendahari Mohamed Taha bin Bakir, Inche Hamidoon bin Awang Damit, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji M.Daud dan Pengarah Haji Dollah.

.....

PEMINDAHAN BUROH CHINA DI-SERIA.

Ranchangan memindahkan pendudok2 yang tidak di-benarkan tinggal di-kawasan telaga minyak 22 di-Seria telah di-mulakan pada 3 December. Pendudok2 itu, kebanyakannya daripada bangsa China menjadi buruh di-kawasan minyak Seria.

Pondok2 mereka telah di-robohkan di-bawah penyeliaan Pemangku Pegawai Daerah, Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Othman dan Setiausaha Majlis Municipal, Inche Alias bin Jupp.

PEMBUKAAN RASMI MASJID KAMPONG PANCHOR MURAI.



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha sedang menggunting pita masjid baharu Kampong Panchor Murai dalam istiadat pembukaan masjid itu baharu2 ini. Masjid itu telah di-dirikan dengan derma dari-pada penduduk2 kampong tersebut.

.....

Dalam perlawanan bola sepak tahunan di-antara pasukan murid2 sekolah yang berumur 16 tahun di-antara sekolah2 seluruh Negeri Brunei, SOAS College, Bandar Brunei telah menjadi johan tahun 1958 mengalahkan sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, dengan 3 gol berbalas.

Bagi murid2 bahagian 4' 8" sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong telah menjadi johan mengalahkan Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei,

dengan 3 gol berbalas 1.

Kedua2 perlawanan itu telah dilangsangkan di-Padang Bandar Brunei pada 11 December.

Dalam perlawanan akhir bagi sekolah2 deerah, Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei telah menjadi johan dalam bahagian pasukan2 4' 8" dan pasukan SOAS College ia-lah johan bahagian murid2 yang berumur 16 tahun.

Bagi Daerah Kuala Belait, pasukan Anthony Abell College, Seria, telah menjadi johan bahagian 4' 8" dan sekolah Melayu Ahmad Tajuddin ia-lah johan johan bahagian murid2 yang berumur 16 tahun.

Gambar menunjukkan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haj Ahmad bin Daud menyampaikan piala kepada ketua pasukan SMJA, Bandar Brunei yang telah berjaya mengalahkan pasukan sekolah Sultan Hassan, Temburong untuk menjadi



johan pasukan bahagian murid2 4' 8". Pasukan sekolah Sultan Has an telah ka'ah tiga goal tidak berbalas.

KEPUTUSAN ATAS USONGAN DIRAJA BAHARI

USONGAN Diraja Brunei bagi masa yang akan datang akan di-gerakkan oleh jentera tidak lagi di-pikul di atas bahu manusia seperti yang sudah2.

Keputusan ini telah di-umumkan oleh Jawatan Kuasa Adat Negeri dan Ugama Brunei dan di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Untuk menentukan bentuk Usongan Diraja yang di-chadangkan itu jawatan kuasa tersebut menjemput anak2 Brunei membuat lukisan usongan yang menggunakan jentera itu.

Hadiah sa-banyak \$100 akan di-bayar kerana lukisan yang di-putuskan baik sa-kali oleh jawatan kuasa tersebut.

Lukisan2 hendak-lah di-hantarkan kepada Setia Usaha, Jawatan Kuasa Adat Negeri dan Ugama c/o Pejabat Tenterangan, Brunei tidak lewat dari 15 February, 1959.

RANTAI DI-BELITKAN PADA RODA KURITA.

HUJAN lebat mulai dari hujong bulan September yang lalu telah menggandalan kenderaan yang menggunakan jalan ka-kampong Lamunin. Jalan itu di-beritkan telah menjadi bichak dan lichin sebab tidak di-taborkan pasir atau batu di atas tanah liat yang menjadikan asasnya.

Kereta2 dan lori yang lalu lintas di-jalen itu pada masa ini terpaksa memakai rantai besi di-ikat pada roda-nya untuk mencegah roda itu dari tergelinchir masuk ka-parit, baroh atau anak2 sungai.

Dalam pada itu tamu di-Lamunin sudah dua kali tidak dapat sambutan oleh sebab penjodok2 kampong tidak dapat datang beramai2 di-sebabkan oleh kerusahan berjalan dalam musim hujan ini.

.....

PINGAT DAN KURNIANI KAPADA PEMANDU2 YANG CHERMAT.

Ranchangan mengurniakan pingat2 chermat memandu kereta dan hadiah kerana chermat memandu kereta akan ditawarkan kepada semua pemandu2 yang berkhidmat dengan kerajaan.

Ranchangan ini terhad kepada orang2 yang masih dalam perkhidmatan dan bekerja sa-bagai pemandu2 kereta biasa. Dengan pingat2 itu pemberian wang saperti berikut akan di-bayar:

Pingat 3 tahun, \$5; pingat 5 tahun, \$10; pingat 10 tahun, \$40; pingat 15 tahun, \$100 dan pingat 20 tahun, \$200.

.....

PEMERIKSAAN DACHING TAHUN 1959.

Pemeriksa Sukatan dan Daching akan melawat tempat2 yang berikut dalam bulan January, February dan March 1959:

Bandar Brunei, 2 January; Muara, Serasa dan Batu Marang, 7 February; Baru2, Berbunot dan Labu, 11 February; Batu Apoi, Temburong Lama Bian Estate dan Belaban, 12 February; Bangar dan Pendaruan, 14 February; Senkuron, Tuton dan Dencu, 16 February; Kuala Belait 17 March; Dinas, Sawmill dan Bukit Sawat, 5 March; Pengkalan Siong dan Sukang, 6 March; Labi, 7 March; Kuala Belai, 9 March; Kuala Belait (Balai Polis) 11 March; Seria (Pejabat2 Kerajaan) 18 March.

PERATORAN BAHRU PEJABAT KASTAM.

KERAJAAN Brunei tidak lama lagi akan mengeluarkan borang2 baharu yang mengandungi ruangan untuk membutirkan Dagangan Jenis Biasa Antara Bangsa atau Standard International Trade Classification (S.I.T.C) anjoran Pertubuhan Bangsa2 Bersatu yang pada masa ini digunakan oleh kebanyakan negeri2 di-dunia.

Borang baharu itu mustahak kerana kepentingan perniagaan Negeri Brunei yang makin lama makin bertambah besar itu. Ia-nya akan di-keluarkan sa-baik sahaja peratoran baharu itu di-kuatkuasakan di-negeri ini.

Sungguh pun sa-orang pedagang yang telah biasa dengan borang yang di-gunakan sekarang akan mendapati bórang baharu itu sedikit rumit pada mula2 menggunakan-nya tetapi ia-nya tidak-lah bagitu susah hendak mengisi-nya sa-telah di-gunakan.

Bagi masa yang akan datang sa-orang pedagang itu akan di-kehendaki mengisi sa-puloh lembar borang baharu itu tidak dua seperti sekarang.

Borang2 yang berlainan akan di-gunakan untuk barang2 impot yang tidak di-kenakan chukai dan barang2 yang berchukai. Demikian juga barang2 yang kena chukai dan tidak berchukai akan berkehendakkan borang yang berlainan jika di-impot atau di-expot sa-mula dari gudang simpanan kastam.

Borang baharu itu akan juga membantu urusan menyediakan angka2 statistik yang mustahak berkenaan dengan perniagaan supaya angka2 itu lebuh tepat dari yang sekarang ini.

Angka2 itu akan di-edarkan kepada dewan2 perniagaan dan sharikat2 perniagaan supaya mereka itu mengetahui dan dapat membandingkan angka2 perniagaan bukan sahaja pernigaan negeri ini bahkan negeri2 lain juga.

.....

LESEN KERETA TAHUN HADAPAN.

LESEN2 kereta bagi tahun 1959 akan di-keluarkan oleh Pejabat Kenderaan Darat, Brunei dan Kuala Belait mulai dari 15 December, 1958. Borang permohonan lesen baharu itu boleh di-dapat dari mana2 Pejabat Pos, Kedai minyak dan Pejabat Keselamatan Jalan B.S.P.

Permohonan atas lesen2 baharu itu hendak-lah di-sertakan dengan bayaren lesen, buku daftaran dan keterangan kesihatan (jika ada).

Kereta2 sewa dan lori2 kecuali kereta2 yang di-punyai oleh kerajaan dan sharikat B.S.P. hendak-lah di-bawa untuk di-perekxa di-Pejabat Kenderaan, Brunei dan Kuala Belait sa-belum lesen2 di-keluarkan.

Lain2 kereta yang lebuh dari tiga tahun lama-nya hendak-lah juga di-bawa untuk di-perekxa apabila memohonkan lesen2 baharu.

Bagi menyenangkan tuan2 punya kereta, mereka itu ada-lah di-nasihatkan supaya berhubung terlebih dahulu dengan pegawai2 pemerekxa kereta untuk menetapkan hari dan masa peperekxaan itu.

.....

DERMA KAPADA KOLEJ ISLAM.

Kerajaan Brunei telah bersetuju menderma kapada Kolej Islam, Sungai Seri-banyak \$5,000 bagi tahun 1959. Derma se-banyak itu telah di-beri tiap2 tahun oleh Kerajaan Brunei semenjak kolej tersebut di-buka.

KUNJONGAN PEMBESAR2 KA-BRUNEI.

DALAM pertengahan pertama bulan ini Brunei di-kunjungi oleh beberapa orang pembesar dari negeri2 luar. Mereka itu datang ka-sini kerana memperkuatkan lagi perhubungan muhibbah negeri masing2 dengan Negeri Brunei.

Tuan Weston J. Olberg, Pegawai Kebudayaan, PGjabat Penerangan Amerika Sharikat di-Singapura telah singgah di-Brunei pada 3 dan 4 Decembe dalam perjalanan-nya balek ke-Singapura dari Borneo Utara. Beliau telah menemui beberapa orang penuntut2 Brunei untuk di-pilih menerima dermasiswa yang telah di-tawarkan oleh beberapa buah kolej dan university Amerika Sharikat.

Tuan Jean Aurillac, Konsul Agong Perancis di-Singapura telah sampai di-Brunei pada 6 December dan bertolak balek pada 8 December sa-telah melarut sa-hari ka-kawasan minyak Seria.

Sabrik sahaja Tuan Aurillac berlopas dari Brunei, Tuan D.W.McNicol Pesuroh Jaya Australia di-Singapura pula sampai ka-negeri ini.

Saperti Tuan Olberg, Tuan McNicol juga datang kerana memilch penuntut2 dan pegawai2 kerajaan untuk di-tawarkan dermasiswa oleh Kerajaan Australia.

Pada 13 December, Tuan Malcolm MacDonald, Pesuroh Jaya Tinggi British di-India sampai di-Brunei kerana melawat sa-lama dua hari. Tuan MacDonald ia-lah bekas Pesuroh Jaya Agong British di-Singapura dan pernah melawat Brunei dahulu.

.....

PEMBUKAAN RASMI ANTHONY ABELL COLLEGE.

TUAN Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Brunei, Sir Anthony Foster Abell, di-jadualkan sampai di-Brunei dengan kapal terbang dari Kuching Sarawak, pada tengah hari 17 December kerana melawat sa-lama dua hari

Sir Anthony akan di-sambut oleh British Resident Brunei, Yang Berhormat Tuan D.C.White apabila sampai di-lapangan terbang Berakas.

Ranchangan lawatan beliau termasuk lawatan ka-Seria pada 18 December untuk merasmikan pembukaan sekolah menengah Anthony Abell College di-situ.

Pada sa-beleh petang tarikh tersebut, ia-itu sa-telah istiadat pembukaan sekolah Anthony College selesai, Sir Anthony akan melawat kawasan perumahan Polis Pasokan Imar di-Seria.

Beliau akan balek ka-Kuching dengan kapal terbang pada 19 Decembe

.....

Dari mu'a 1.

Perubahan bentuk Usongan Diraja pula tidak merupakan pembuangan satu dari lambang2 kemulian dan kebesaran Raja yang telah sa-bati dengan adat resam Melayu, tetapi perubahan itu ia-lah sa-mata2 membuktikan keinsafan Duli Yang Mulia bahawa tidak sa-suai dalam zaman moden ini bagi sa-orang Raja itu di-julang dalam kenderaan yang di-pikul oleh ra'ayat yang bersifat sama juga manusia.

Satengah2 kalangan ra'ayat pula telah membayangkan bahawa lebih baik Raja itu monaiki kenderaan yang di-tarek oleh beberapa ekor kuda seperti di-beberapa buah negeri di-Eropah. Kenderaan demikian itu merupakan satu tiruan sahaja, tidak satu perkara yang sa-jati pada zaman kejenteraan ini seperti kenderaan yang di-kuasai oleh jentera.

UNDANG2 ISLAM NA' DI-KETATKAN.

KADHI Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh bin Pengiran Haji Mohamed, berkata bahawa orang2 Islam yang dapat di salah atas tuduhan melanggar Undang2 Islam akan di-kenakan hukuman yang sa-habis berat di-benarkan oleh undang2 itu.

Amaran ini di-beri berikutan dengan chadangan hendak menjalankan kuatkuasa Undang2 Islam yang telah di-luluskan dalam tahun 1955 mlarang orang2 Islam membeli dan meminum arak di-kedai2 kopitiam dan makan.

Pengiran Shahbandar berkata: "Orang2 Islam sa-makin lama sa-makin ramai molanggar Undang2 Islam dan jikalau di-biarkan perkara itu berluasa sudah tentu akan berakibat dengan kejatohan ikhlak."

"Sa-belum kejatohan ikhlak yang lebeh buruk berlaku ada-lah mustahak di-ingatkan kepada orang2 Islam supaya mereka itu tidak meringarkan kewajipan mereka di-bawah Undang2 Islam," kata beliau.

Sa-lanjutnya beliau menyatakan bahawa bukan sahaja undang2 mengenai arak akan di-perketatkan tetapi orang2 Islam yang di-dapati salah atas tuduhan berkhaluat juga akan di-kenakan hukuman yang sa-habis berat di-benarkan.

Dalam beberapa bulan yang sudah2 ini kejadian yang keji itu telah bertambah di-negeri ini dan berkesudahan dengan perchoraian di-antar suami isteri.

Sa-kira-nya chadangan hendak mengetatkan kuatkuasa Undang2 itu di-jalankan mungkin di-hadkan bilangan kedai2 yang di-benarkan menjual minuman keras kepada orang2 yang bukan Islam.

Perkara itu telah di-binchangkan dalam meshuarat dan sekarang termasuk dalam ranjangan hendak menjalankan kuatkuasa Undang2 Islam seluruhnya, kata Pengiran Shahbandar.

.....

HARI KELARISAN DALAM TAHUN 1959.

Hari dan tarikh yang berikut telah di-umumkan menjadi hari kelepasan dalam tahun 1959 di-seluruh Negeri Brunei, tetapi tarikh dan hari kelepasan yang bergantung pada takwim Islam (bertanda *) harus dipinda mengikut peredaran bulan Islam.

Tahun baharu, Khamis 1 January; Mi'raj (*), Khamis 5 February; Hari Raya China, Ithnin dan Thalatha 9 dan 10 February; Good Friday, Juma'at dan Sabtu 27 dan 28 March; Hari Raya Puasa (*), Sabtu dan Ithnin 11 dan 13 April; Hari Kebebasan, Rabu 10 June; Hari Keputeraan Queen, Sabtu 13 June.

Hari Raya Haji (*), Thalatha dan Rabu 16 dan 17 June; Awal Muharram (*), Ithnin 6 July; Mandi Safar (*), Rabu 2 September; Maulud (*), Ithnin 14 September; Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia, Rabu 23 September; Hari Christmas, Sabtu dan Ithnin 26 dan 28 December.

.....

BILANGANG PENGANGGOR DI-BRUNEI.

Dalam masa tiga bulan yang berakhir pada 30 November yang lalu se-ramai 133 orang telah di-daftarkan oleh Pejabat2 Buroh, Brunei dan Kuala Belait sa-bagai menganggor menjadikan 287 orang semua-nya dalam daftar orang2 yang menchari pekerjaan.

Dalam masa itu juga 33 orang telah di-sharikan kerja. Di-antara mereka itu ia-lah 19 orang dari Kuala Belait.

HASIL DI-ANGGARKAN LEBEH DARI PERBELANJAAN.

ANGGARAN belanjawan tahunan hadapan yang di-luluskan oleh Majlis Mesurat Negeri Brunei dalam persidangan-nya pada awal bulan ini menunjukkan bahawa hasil berlebih sa-banyak \$50,744,663 dalam kira2 pertimbangan hasil dan perbelanjaan tahun 1959 yang berjumlah sa-banyak \$126,596,630 itu.

Dari perbelanjaan yang di-anggarkan sa-banyak \$75,851,967 itu tidak kurang dari \$41,807,270 akan di-belanjakan kerana kerja2 pembinaan. Yang lain itu ia-lah anggaran perbelanjaan tahunan.

Anggaran hasil bagi tahun hadapan itu terkurang dari hasil tahun ini sa-banyak \$2,581,627 dan hasil yang berlebih pula di-anggarkan kurang juga dari tahun ini ia-itu sa-banyak \$11,843,417.

Kekurangan hasil ini telah di-anggarkan sa-telah memandang pada kekurangan pendapatan dari perusahaan minyak dalam tahun ini. Hasil minyak telah kurang bukan-nya sahaja oleh sebab harga minyak di-pasaran minyak dunia telah turun tetapi ia-lah juga di-sebabkan pengeluaran minyak dari padang minyak Seria itu telah kurang dari biasa.

Penanaman hasil.

Keuntungan dari penanaman hasil yang berlebih tiap2 tahun itu di-jangka akan berjumlah sa-banyak \$23,000,000 atau 18 peratus dari jumlah hasil tahun hadapan.

Saperti tahun2 sudah kerajaan akan meneruskan pelaksanaan ranchangan perkembangan yang telah di-susun dan wang telah di-untokkan kerana membina sekolah2 baru, atau bangunan2 tambahan kapada sekolah2 yang ada, padang2 permainan di-banjar2 dankampong2.

Peruntukan sa-banyak \$420,000 telah juga di-luluskan sa-bagai derma-siswa kapada penuntut2 yang akan di-hantar melanjutkan pelajaran mereka di-negeri2 seberang laut.

Perbelanjaan tahunan Pejabat Ugama telah juga di-tambah kerana beberapa orang guru ugama lagi ada-lah di-kehendaki untuk mengajar di-sekolah2 ugama di-seluroh negeri. Peruntukan telah juga di-luluskan kerana urusan menjaga masjid baru Omar Ali Saifuddin dan kerana membersihkan kawasan-nya.

Ranchangan rumah sakit.

Ranchangan membina dua buah rumah sakit yang moden dan serba lengkap akan di-mulakan dalam tahun hadapan. Rumah2 sakit itu ia-lah di-Bandar Brunei berharga \$9,000,000 dan di-Kuala Belait berharga \$5 juta apabila siap kelak.

Seluroh kawasan Municipal Bandar Brunei dan Kuala Belait dan Seria akan di-beri kemudahan jamban tarek dan kerja atas ranchangan yang memakan belanja sa-banyak \$14,000,000 apabila siap itu akan di-mulakan dalam tahun hadapan.

Sa-buah kolam ayer untuk menjamin supaya bekalan ayer Bandar Brunei tidak terganggu dalam musim kemarau akan mula di-bena dalam tahun hadapan. Ranchangan itu di-anggarkan memakan belanja sa-banyak \$4,800,000.

Beberapa batang jalan raya akan di-bena atau di-perbaiki dalam tahun hadapan. Jalan kecil yang menghubungkan Sungai Liang dengan Labi di-jangka akan siap dalam tahun 1959. Jalan2 di-bandar akan juga di-perbaiki dan sa-banyak \$250,000 telah di-untokkan kerana jalan2 di-Belait dan Seria.

Tebing Sungai Belait akan di-tambak lagi dan kawasan2 paya akan terus di-kambus dalam tahun hadapan.

Dalam tahun hadapan perhubungan talikom akan di-perbaik dan diluaskan lagi.